



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 6 DISEMBER 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4.	PELBAGAI RANCANGAN AKTIVITI PERTANIAN DILAKSANA MANFAATKAN LAPANGAN TERBANG BEBULING SPAOH, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE FAMA TUBUH CDERT HADAPI MUSIM TENGGUJUH, MALAYSIA AKTIF -ONLINE FAMA SETS UP CDERT TO ASSIST IN FUTURE DISASTERS, MALAY NEWS -ONLINE LOTUS'S MALAYSIA COMMITS SUPPORT TO LOCAL SMEs THROUGH THE BUY MALAYSIA PRODUCT CAMPAIGN WITH MDTCA, MALAYSIA BISNES -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
5.	MUDA AGRICULTURAL DEVELOPMENT AUTHORITY INCREASES CASH CROP PRODUCTION TO OFFSET PRICED VEGETABLES IN MALAYSIA, NEWS DAY -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
6. 7. 8.	AGROBANK OPENS 139th BRANCH IN BELURAN, HOME, BORNEO POST (KK) -5 AGROBANK OPENS 139th BRANCH IN BELURAN, SABAH, NEWS, THE STAR -6 AGROBANK BUKA CAWANGAN KE-139 DI PEKAN BELURAN, BISNES, HM -23	AGROBANK
9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19. 20. 21. 22. 23. 24. 25. 26. 27. 28. 29. 30. 31. 32. 33. 34. 35. 36. 37. 38. 39.	KPDNHEP: PRICE OF CHICKEN WILL LOWER WITH INCREMENT OF SUPPLY, SIN CHEW DAILY -ONLINE SAMBUTAN BAIK, UTUSAN BORNEO SABAH -ONLINE TANAH TERBIAR DI SETIU DIMAJUKAN JADI LADANG NANAS MD2 BERSKALA BESAR, NEGERI TERENGGANU, SH -34 BANGUN TANAH TERBIAR UNTUK AGROMAKANAN, CETUSAN, SH -17 STOK BEKALAN MAKANAN NEGARA MEMBIMBANGKAN, KEMELUT SEKURITI MAKANAN NEGARA, SH -12 ISU KETIDAKCUKUPAN MAKANAN DI PERINGKAT ISI RUMAH KINI KEBIMBANGAN UTAMA NEGARA, KEMELUT SEKURITI MAKANAN NEGARA, SH -12 SEKURITI MAKANAN NEGARA IBARAT TELUR DI HUJUNG TANDUK - BNM, KEMELUT SEKURITI MAKANAN NEGARA, SH -13 NAK KAJI RM9.30!, LOKAL, HM -8 KEKAL JUAL HARGA SAYUR 5 IKAT RM4, LOKAL, HM -8 PERTANIAN PINTAR TINGKAT HASIL SAYUR 10 KALI GANDA, MUKA DEPAN, BH -1 INISIATIF TINGKAT PENGELUARAN SAYUR NEGARA, NASIONAL, BH -2 100 TAN IKAN SEJUK BEKU DISEDIA DI LEMBAH KLANG, NASIONAL, BH -2 SERONOK TANAM SAYUR UNTUK SUBJEK RBT, PENDIDIKAN, BH -35 KERAJAAN KAJI HARGA MAKSIMUM RM9.30 SEKILO, MUKA DEPAN, HM -1 3K HABIS LIMA JAM!, LOKAL, HM -6 PENYELESAIAN SEMENTARA KENAIKAN HARGA, LOKAL, HM -6 SEBAB HARGA MAHAL: PENJELASAN KPDNHEP, LOKAL, HM -6 NEGARA, KOSMO -32 HARGA AYAM AKAN TURUN - KPDNHEP, DALAM NEGERI, UM -13 PENTERNAK AYAM RAYU KERAJAAN TANGANI HARGA DEDAK, ORANG TENGAH, MUKA DEPAN, KOSMO -1 HARGA MAKSIMUM AYAM DIKAJI SEMULA, NASIONAL, BH -9 DEDAK, ORANG TENGAH PUNCA HARGA NAIK, NEGARA, KOSMO -8 HARGA SAYUR MAHAL KEKAL HINGGA MAC, NEGARA, KOSMO -16 ORANG KEPALA BATAS TERUJA BELI AYAM RM5, NEGARA, KOSMO -5 PESAWAH TANGGUNG RUGI, DALAM NEGERI, UM -29 'BUATLAH SELALU JUALAN KELUARGA MALAYSIA', PROGRAM JUALAN KELUARGA MALAYSIA, SH -10 BERLANGSUNG HINGGA HARGA BARANGAN STABIL, PROGRAM JUALAN KELUARGA MALAYSIA, SH -10 MOVE TO HELP OFFSET VEGETABLE PRICE HIKES, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -3 IMPORT OF FROZEN CHICKEN EXPECTED TO HELP REDUCE PRICES, NEWS WITHOUT BORDER, NST -5 'CLIMATE CHANGE A FACTOR IN RISING PRICES', NEWS/NATION, NST -6 'HELP FARMERS INSTEAD OF IMPORTING CHICKEN', NEWS/NATION, NST -6	LAIN-LAIN

**UKKMAFI**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

06 DEC, 2021

## Pelbagai rancangan aktiviti pertanian dilaksana manfaatkan Lapangan Terbang Bebuling Spaoh

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

# Pelbagai rancangan aktiviti pertanian dilaksana manfaatkan Lapangan Terbang Bebuling Spaoh

**KUCHING:** Pelbagai rancangan aktiviti pertanian dilaksana selain banyak yang telah dilaksanakan sebelum ini untuk memastikan Lapangan Terbang Bebuling mempunyai muatan penuh kargo perkhidmatannya dalam tempoh dua tahun lagi kata Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Douglas Uggah kelmarin.

"Beliau juga menambah, beberapa infrastruktur berkaitan lainnya juga sedang dipersiapkan.

"Lapangan terbang bernilai RM108 juta itu akan menjadi pintu keluar yang paling sesuai untuk produk bukan sahaja dari kawasan Bakul Makanan Betong-Mukah yang lebih besar tetapi juga Agropolitan Makanan Bukit Sadok dan kawasan Batang Ai.

Batang Ai terkenal dengan ikan tilapia yang turut dieksport ke Singapura," katanya dalam satu kenyataan pada Program Jualan Terus dari Ladang anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Tebingan Spaoh, semalam.

Ujarnya lagi, terdapat Taman Perindustrian Betong dan cadangan Taman Agro Bebuling dan Lubok



**HASIL TEMPATAN:** Uggah bertemu dengan penternak madu lebah kelulut pada majlis itu.

Tamang.

Ia merupakan model baharu di mana pihaknya akan membawa masuk petani yang mengusahakan pertanian secara besar-besaran yang juga merupakan usahawan tani.

Mereka bukan sahaja ber-

pengalaman tetapi mempunyai teknologi moden untuk memproses dan membungkus makanan bagi memenuhi piawaian keselamatan makanan antarabangsa yang ketat untuk mengekspor, tegasnya.

"Lebih penting lagi, mere-

ka telah mewujudkan rangkaian pasaran luar negara mereka sendiri," katanya.

Uggah yang juga Menteri Pertengahan Pertanian, Tanah Adat dan Kemajuan Wilayah menambah, beliau tempatan akan dijemput mengambil bahagian sebagai

petani dan penternak di taman agro tersebut.

Beliau berkata langkah tersebut akan dipergiatkan untuk mendapatkan petani dan penternak untuk meningkatkan produktiviti mereka melalui amalan pertanian moden.

Kemudian pihaknya akan membimbing mereka mendapatkan hasil yang berkualiti.

"Dengan berbuat demikian, mereka boleh menjana lebih banyak pendapatan untuk meningkatkan taraf hidup mereka," tegasnya.

Beliau turut meminta FAMA menambah bilangan petani kontraknya di sini.

Mengenai perkara lain beliau berkata, sebuah rumah penyembelihan moden juga antara yang tersenarai sebagai projek baharu di sini.

"Kami sedang berbincang dengan Lembaga Penyediaan dan Pemuliharaan Tanah Sarawak (SALCRA).

"SALCRA kini memulakan penternakan lembu di beberapa ladang kelapa sawitnya.

"Jadi dengan semua ini, apabila lapangan terbang sudah siap, produk juga telah tersedia," katanya.



06 DEC, 2021

## Pelbagai rancangan aktiviti pertanian dilaksana manfaatkan Lapangan Terbang Bebuling Spaoh

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUCHING: Pelbagai rancangan aktiviti pertanian dilaksana selain banyak yang telah dilaksanakan sebelum ini untuk memastikan Lapangan Terbang Bebuling mempunyai muatan penuh kargo perkhidmatannya dalam tempoh dua tahun lagi kata Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Douglas Uggah kelmarin. "Beliau juga menambah, beberapa infrastruktur berkaitan lainnya juga sedang dipersiapkan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/12/2021	MALAYSIA AKTIF	ONLINE	

## FAMA Tubuh CDERT Hadapi Musim Tengkujuh



**PUTRAJAYA, 6 Dis (Malaysiaaktif)** - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) semalam menubuhkan Pasukan Tindak balas Kecemasan Pertahanan Awam (CDERT FAMA) bertujuan meningkatkan tahap kesedaran dan kesiapsiagaan kakitangan terhadap bencana khususnya bagi menghadapi musim tengkujuh.

FAMA menerusi kenyataan memaklumkan CDERT FAMA yang dirasmikan Ketua Pengarahnya Datuk Zainal Abidin Yang Razalli adalah selaras dengan Rangka Kerja Sendai Bagi Pengurangan Risiko Bencana 2015-2030 yang menekankan bahawa pengurangan risiko bencana merupakan tanggungjawab yang perlu dikongsi bersama, membudayakan latihan secara bersepadu, terencana dan berkesinambungan.

Menurut kenyataan itu, FAMA telah dilantik dan diberi tanggungjawab sebagai penyedia kit makanan kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) untuk disalurkan ke seluruh negara apabila berlaku bencana.

“Atas dasar ini kakitangan FAMA perlu dilatih dan diberikan kemahiran untuk membantu jabatan dan agensi berkuasa awam berkaitan dalam menyalurkan bantuan dan memberikan pertolongan kecemasan kepada kumpulan sasar yang terlibat.

“Latihan ini juga merupakan elemen (yang) dapat meningkatkan mutu penyampaian peranan FAMA sebagai agensi pelaksana pemantapan jaminan bekalan makanan semasa krisis dan bencana,” menurut kenyataan itu.

CDERT FAMA dijalankan secara bersiri menerusi kerjasama Angkatan Pertahanan Awam (APM) dengan siri pertama latihan asas membabitkan seramai 40 orang kakitangan FAMA telah bermula pada 29 November lepas dan berakhir semalam di Institut Latihan FAMA, Port Dickson, Negeri Sembilan.

FAMA memaklumkan pihaknya menyasarkan seramai 1,000 kakitangan akan menganggotai CDERT FAMA menjelang 2023 sebagai modal insan yang akan memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara.

“FAMA juga sentiasa bersedia untuk memberikan kerjasama sepenuhnya kepada APM bagi sebarang misi bencana dengan menyediakan perkhidmatan dan kemudahan FAMA serta mengalu-alukan panggilan dari APM sekiranya terdapat kakitangan FAMA yang layak untuk menyertai misi bencana bagi memanfaatkan ilmu dan latihan yang telah diperolehi,” menurut kenyataan itu.

FAMA turut memaklumkan Zainal Abidin dianugerahkan pangkat Pegawai Kehormat APM yang membawa gelaran Penolong Pesuruhjaya Kehormat (PA) pada 24 Mac lepas.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/12/2021	MALAY NEWS	ONLINE	

## FAMA sets up CDERT to assist in future disasters



The Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) has set up a Civil Defence Emergency Response Team (CDERT) today to increase staff awareness and readiness for disasters.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/12/2021	MALAYSIA BISNES	ONLINE	

## Lotus's Malaysia commits support to local SMEs through the Buy Malaysia Product Campaign with MDTCA



**AMPANG, 6 Dec 2021:** Lotuss Stores Malaysia Sdn Bhd (Lotus's Malaysia), previously known as Tesco Malaysia, had today embarked on its first-ever Buy Malaysia Product campaign with the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs (MDTCA).

The retailer, who was recently awarded the Best Foreign Retailer and Fair Price Shop Awards at MDTCA's recent Malam Anugerah Perdagangan Dalam Negeri 2020, is adamant in maintaining its

reputation as a fair-priced shop going forward.

"We thank MDTCA for all the support provided to us in successfully operating our business for the wider benefit of the country. We aspire to continue investing in Malaysia by adding stores of various formats, bringing *Harga Patut* to the consumers and creating employment opportunities for our *Keluarga Malaysia*," said Lotus's Corporate Services Executive Director, Azliza Azmel.



"In fact, as of right now we are already employing 9,000 colleagues across our operations while our 62 stores and two distribution centres are 100 per cent operated by Malaysians," she continued.

This year's Buy Malaysia Products campaign is particularly important as Lotus's focuses on small and medium enterprises (SMEs) who are rebuilding themselves after the effects of Covid-19. As a leading retailer in Malaysia, Lotus's understand its responsibility in ensuring that local

SMEs which are an important pillar of economic growth can grow and sustain.



Launched in Lotus's Ampang, the event was officiated by MDTCA Secretary-General, YB Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam Haji Ahmad as well as Azliza and graced by various key MDTCA officers and the media. It will run from today till Sunday, 5 December 2021.

"As a company, we always believe in the capabilities and qualities of local SMEs. So much so that as many as 90 per cent of over 3,000

Lotus's Own Brand items are locally sourced and manufactured in Malaysia. These range from our customers' all-time favourite of nuggets, UHT milk and bagged chips," said Azliza.

Forming part of the programme earlier today is the Produk Citarasa Keluarga Malaysia fair where 16 SMEs have been allocated space to not only sell but more importantly promote their products to consumers. Of the 16 participating SMEs today, 10 are Lotus's existing suppliers while the remaining six SMEs are nominated by the Ministry.

To support the local economy, the Lotus's SME Support Team is continuously on the lookout for potential collaboration with other government agencies such as the Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) and the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA).

Through MAFI, Lotus's is able to bring in meat supplier Al-Quds Sdn Bhd, through its brand DuniaDaging into Lotus's network of stores. To date, this SME is supplying 12 SKU to 20 of Lotus's existing stores, with the potential to further expand to the remaining stores in the future.

In collaboration with FAMA, the retailer is currently providing space to fruits and vegetables SMEs to sell and promote their products to the high customer traffic in Lotus's Cheras. This way, the sellers will be able to increase both their sales and exposure to the public. This collaboration is ongoing now till 5 December 2021.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/12/2021	NEWS DAY	ONLINE	

## **Muda Agricultural Development Authority increases cash crop production to offset pricey vegetables in Malaysia**

YAN, Dec 5 — The Muda Agricultural Development Authority (Mada) is taking steps to increase cash crop production to help offset vegetable price hikes in the market.

Its chairman Ahmad Tarmizi Sulaiman said the move was implemented through two projects, namely the B40 Cash Crops Project and the B40 Group of Agro Entrepreneurs Economic Empowerment Programme, which were carried out from March this year.

“The projects aim to increase the production of cash crops, vegetables and spices in an effort to increase farmers’ income by focusing on those with household incomes below RM4,850 a year.

“With the increase in the production of cash crops, Mada also hopes that it will be able to offset the increase in vegetable prices and be able to protect the fate of farmers who are also consumers,” he said at the Ministry of Agriculture and Food Industries (Mafi) Prihatin Mada Food Basket handover ceremony in Permatang Buloh near here today.

Ahmad Tarmizi said, for 2021 and 2022, Mada has allocated RM4.84 million involving 378 participants to increase cash crop projects by adding more crop varieties.

“Additional types of crops include chilli, cucumber, ginger, corn and others. In 2021, a total of 264 programme participants have produced 205.6 tonnes with a value of more than RM1 million and a target of 250 more participants will take part in this programme next year.

“This project can also create employment opportunities and produce more new entrepreneurs in the cash crop industry and it focuses on existing entrepreneurs and farmers who are involved in the padi industry chain,” he said.

He said, the programme is expected to help increase the amount of vegetable production as well as help stabilise the price of vegetables following high demand.

Earlier, at the handover ceremony, a total of 100 food baskets were handed over to Mada participants who had been infected with Covid-19. — Bernama

Headline	Agrobank opens 139th branch in Beluran		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	06 Dec 2021	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	5	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	232 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,294
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,881



Dr Ronald speaking to the staff of the Agrobank branch in Beluran yesterday.

## Agrobank opens 139th branch in Beluran

**KOTA KINABALU:** As a development financial institution (DFI) with a focus on ensuring the sustainability and development of the agricultural sector, Agrobank yesterday expanded its network in Sabah with the opening of its 139th branch in Beluran.

The opening of the branch was officiated by Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Khande.

Beluran was chosen as Agrobank's latest location to prove the bank's commitment in fulfilling its mandate to help develop the unserved and underserved community, especially in rural areas.

This is in addition to the economic factors and agricultural activities as well as food processing industry in Beluran, especially through crop, fisheries and livestock sub-sectors such as swiftlet farming among others. Dr Ronald said the economic activities of the people could be enhanced mainly through holistic and sustainable financing facilities.

"From January to October this year a total of RM191 million of Agrobank financing approvals were recorded in Sabah. Of that amount, RM2.8 million was recorded in the Beluran area which has benefited a total of 90 recipients," he disclosed.

Dr Ronald also lauded Agrobank's proactive move to open another branch in Sabah as this eased the burden of

the residents in Beluran who previously had to travel to Sandakan, 82km away for any business with the bank.

"This made it difficult for Beluran residents to obtain holistic banking services such as opening bank accounts and agriculture-based financing services among others," he stressed.

Agrobank, he said, will continue to assist in the development of the micro sector which offers micro financing up to RM75,000 at no charge for the first six months as well as with a moratorium facility of up to six months.

"This shows the government is always committed to helping micro-entrepreneurs out there and this effort needs to be implemented together with all parties including the involvement of the private sector.

"Therefore, I call on agri-entrepreneurs, especially the residents of Beluran, to continue to explore and seize the opportunities available to jointly develop the country's agricultural sector," said Dr Ronald.

Meanwhile, Acting President/Chief Executive Officer of Agrobank, Khadijah Iskandar, said the opening of the Beluran branch has great potential in helping to strengthen the local economy due to its unique agricultural activities.

"We are committed and optimistic of being able to help

boost local economic growth through the products and services offered by Agrobank as it covers all processes along the agricultural value chain.

"As a bank responsible for advancing the development of the agricultural sector through full chain financing, the opening of Agrobank here is very appropriate because previously, the recipients of this financing had to travel long distances to Sandakan to obtain banking services.

"I hope the opening of this branch will help the local community to succeed in the agricultural sector through the banking services we offer," she added.

During the ceremony, Dr Ronald presented food baskets donated by Agrobank to 200 recipients through the MAFI Prihatin program to help those affected by the Covid-19 pandemic.

The symbolic presentation of the Farmer Family Smart Card (PELADANG-i) with a banking concept by combining three-in-one features through the Agrobank Co-Brand card was also presented by Dr Ronald to the Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Beluran.

The PELADANG-i card can be used as a PPK Beluran membership identity card, with a cashless transaction payment function and equipped with Takaful Kasih Plus coverage up to RM5,000 for only RM5 per year.

## Agrobank opens 139th branch in Beluran, Sabah

**BELURAN:** Agrobank opened its 139th branch in Beluran, Sabah, yesterday, complementing the commercial banking facilities in the district.

Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said with the banking facilities in the district, the economic activities of the people, especially in agriculture, could be enhanced, especially through holistic and sustainable financing facilities.

From Jan 1 to Oct 31 this year, a total of RM191mil worth of Agrobank financing approvals had been recorded in Sabah.

"Of the total, RM2.8mil in accumulated financing had been recorded in the Beluran area which has benefitted a total of 90 recipients," he said at the bank's opening here.

Ronald, who is also Beluran Member of Parliament, praised Agrobank's proactive move to open a branch in the rural district, where residents had previously had to travel 82km to Sandakan for various banking matters.

He hoped the opening of the Agrobank branch would pave the way for other banking institutions to extend their services in rural areas.

Covering president and chief executive officer of Agrobank, Khadijah Iskandar said the Agrobank branch in Beluran has great potential in helping to strengthen the local economy due to its unique agricultural activities.

Beluran carries out various agricultural activities, including the food processing industry, particularly through the crop, fisheries and livestock sectors such as the swiftlet industry.

At the event, Ronald presented food baskets donated by Agrobank to 200 recipients with a total contribution of RM20,000 through the Ministry of Agriculture and Food Industry Prihatin programme to help those affected by the Covid-19 pandemic.

He also presented the Keluarga Peladang Smart Card symbolically to the Beluran Area Farmers Organisation. — Bernama

**Beluran:** Agrobank membuka cawangan yang ke-139 di Pekan Beluran bagi memberi perkhidmatan perbankan kepada masyarakat di luar bandar.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, pihaknya memahami permasalahan yang dihadapi penduduk, lebih-lebih lagi di Parlimen Beluran yang terpaksa ke bandar Sandakan untuk mendapatkan perkhidmatan perbankan.

Menurutnya, jarak perjalanan ke bandar itu sejauh 82 kilometer dan keadaan itu ternyata menyukarkan masyarakat setempat.

"Saya yakin, pembukaan Agrobank Cawangan Beluran ini adalah sesuatu yang amat dinanti-nantikan.

"Menerusi cawangan Agrobank di sini, diharapkan kegiatan ekonomi pendu-

## Agrobank buka cawangan ke-139 di Pekan Beluran



DR Ronald (dua dari kiri) bertanya sesuatu kepada kakitangan AgroBank cawangan Beluran selepas merasmikan pembukaan cawangan bank itu, semalam.

duk juga dapat dipertingkatkan terutamanya melalui kemudahan pembiayaan yang holistik dan mampan.

"Besarnya harapan saya agar dengan potensi ekonomi yang besar di Beluran, Agrobank dapat menjadi se-

bahagian daripada komuniti di Beluran dan bersama-sama membantu penduduk di sini meningkatkan kemajuan sektor ekonomi khususnya sektor pertanian," katanya ketika berucap dalam Majlis Pelancaran Agrobank Beluran, di Pekan Beluran di sini, semalam.

Beliau berkata, kerajaan melalui Agrobank akan terus membantu dalam pembangunan sektor mikro dengan menawarkan pembiayaan mikro sehingga RM75,000 tanpa kadar keuntungan bagi tempoh enam bulan pertama beserta kemudahan moratorium sehingga enam bulan pada tahun 2022.



06 DEC, 2021

## KPDNHEP : Price of chicken will lower with increment of supply

Sin Chew Daily, Malaysia



哈斯诺(右二)亲自主持叫卖环节,以优惠价格出售各类物品。(黄元珠摄)

### 貿消部：進口冷凍雞緩解需求 供應增雞價將回降

(马六甲5日訊)政府進口冷凍雞緩解市場需求,一旦市場供應充足,相信淨雞每公斤9令吉30仙的零售預價會自然下跌。

貿消部秘書長拿督斯里哈斯諾今日到馬六甲瓜拉雙溪汝市鎮的大馬一家促銷活動(PJKM)後指出,一旦進口冷凍雞進入大馬市場後,該部會再審核預價。

他說,市場的物品都是自由市場的定律制定價格,相信冷凍進口雞增加市場供應量之後,市場上的淨雞價格就會回降。

他表示,該部與農業和食品工業部(MAFI)允許進口1萬噸或550萬只冷凍雞,一直到明年2月為止。

“不過,淨雞零售預價是否回降,還需督視進口雞的價格以及市場其他因素,如果零售預價回降,對消費者而言是好消息。”

#### 甲大馬一家促銷料創3萬銷售額

連續兩日在瓜拉雙溪汝市鎮的大馬一家促銷活動,相信能夠創下3萬令吉的銷售額。大馬一家促銷活動的日常用品比市價便宜20%,甚至一些以特價1令吉銷售。

哈斯諾今日除了巡視參展攤位,也在現場主持特價叫賣環節,包括1令吉白麵包、蔬菜、煉奶,2令吉的包裝油等。在場者有甲貿酒局局長諾爾娜。

他說,接下來馬六甲數個地點也會舉辦大馬一家促銷活動,分別是馬讓(12月18日及19日)、霖(1月8日及9日)及萬里茂(1月29日及30日)。

今日活動由甲貿酒局,大馬聯邦農業銷售局,大馬漁業發展局等单位配合,同時獲得近丁霸級市場,家家購物中心,NSK超市及永旺購物中心等策略伙伴的參與。



大馬一家促銷活動的日常用品比市價便宜20%,接下來會在各個國會選區內舉辦。(黃元珠攝)



06 DEC, 2021

## KPDNHEP : Price of chicken will lower with increment of supply

Sin Chew Daily, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

#### 甲大马一家促销料创3万销售额

连续两日在瓜拉双溪喜汶市镇的大马一家促销活动，相信能够创下3万令吉的销售额。大马：一家促销活动的日常用品比市价便宜0%，甚至一些以特价1令吉销售。哈斯诺今日除了巡视参展档口，也在现场主持特价叫卖环节，包括1令吉白面包、蔬菜、炼奶、2令吉的包装油等。在场者有甲贸消局局长诺丽娜。他说，接下来马六甲数个地点也会举办大马一家促销活动，分别是马接（12月8日及19日）、霖



06 DEC, 2021

## SAMBUTAN BAIK

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2



**SAMBUTAN BAIK:** Sebahagian pelanggan membeli sayur-sayuran segar yang dijual pada program Jualan Keluarga Malaysia di Pasar Tani Stadium Paroi dekat Seremban Negeri Sembilan, semalam. — Gambar Bernama



06 DEC, 2021

## SAMBUTAN BAIK

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

SAMBUTAN BAIK \* Sebahagian pelanggan membeli sayur-sayuran segar yang dijual pada program Jualan Keluarga Malaysia Pasar Tani Stadium Paroi dekat Seremban Negeri Sembilan, semalam. — Gambar Bernama



6/12/2021

SINAR  
HARIANNEGERI  
TERENGGANU

84

## Tanah terbiar di Setiu dimajukan jadi ladang nanas MD2 berskala besar

**SETIU** - Kawasan tanah terbiar seluas 140 hektar di Kampung Pak Kancil di sini kini dibangunkan sebagai lokasi projek penanaman nanas MD2 berskala besar yang pertama di Terengganu.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar berkata, projek tersebut adalah hasil kerjasama antara kerajaan negeri dan anak syarikatnya, Terengganu Agrotech Development Corporation Sdn Bhd (TADC) serta sebuah syarikat pelabur tempatan.

Menurut beliau, projek tersebut me-  
lengkapkan lagi perancangan kerajaan negeri untuk menjadikan daerah Setiu sebagai Gedung Pengeluaran Makanan Terengganu sekali gus lambang kejayaan

dalam program pemuliharaan ta-  
nah terbiar.

"Besar harapan kami agar projek ini berjaya menjadikan Setiu sebagai daerah pengeluar utama nanas MD2 di Terengganu dan bagi penduduk kampung yang menjadi peserta di sini pula, terdapat beberapa manfaat yang bakal mereka peroleh.

"Antaranya dapat meng-  
usahakan 0.8 hektar tanah dengan nanas MD2, bimbingan pertanian oleh TADC, keutamaan untuk mendapatkan pembiayaan pertanian dan sasaran pendapatan an-  
tara RM5,000 hingga RM6,000 sebulan



**AHMAD SAMSURU**

selepas hasil dituai kelak,"  
katanya ketika berucap me-  
rasmikan projek itu di sini pada  
Ahad.

Projek penanaman nanas  
MD2 itu adalah sebahagian  
daripada 87 aktiviti yang telah  
dirancang dalam kalendar  
Tahun Pertanian Negeri  
Terengganu 2021.

Sementara itu, Pengerusi  
Jawatankuasa Pertanian,  
Industri Makanan, Perlindungan, Komoditi  
dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr  
Azman Ibrahim memberitahu, seramai  
lapan penduduk kampung dipilih sebagai  
peserta program itu buat permulaan.

"Dalam setiap projek pembangunan pertanian, kami tidak mahu orang kam-  
pong sekadar menjadi kuli atau buruh  
sahaja. Sebab itu kami peruntukkan kuo-  
ta khas untuk mereka turut menjadi usa-  
hawan tani agar dapat belajar sesuatu me-  
lalui pemindahan ilmu dan teknologi dari  
syarikat pelabur.

"Mengikut data, hampir 70 peratus  
penduduk Terengganu terlibat dalam ak-  
tiviti pertanian, penternakan dan perikan-  
an. Namun istimewanya di Setiu kerana  
lebih 85 peratus penduduknya terlibat  
dalam tiga bidang tersebut dan kerana  
itulah banyak projek ditumpukan di sini  
agar ekonomi daerah Setiu turut maju se-  
perti daerah lain," katanya. - *Bertania*

6/12/2021

SINAR  
HARIAN

CETUSAN

17

# Bangun tanah terbiar untuk agromakanan



PERSPEKTIF

DR MUHAMMAD AZWAN SULAIMAN

**I**su harga barangan keperluan dan makanan meningkat di Malaysia kembali hangat. Peningkatan harga barangan ini telah mengugurkan rakyat yang masih tersepit dengan situasi yang tidak menentu disebabkan Covid-19.

Pelbagai alasan diberikan oleh peniaga, antaranya harga yang diperolehi daripada pemborong sudah tinggi menyebabkan para peniaga tidak ada pilihan untuk meletakkan harga yang tinggi walaupun melebihi harga siling yang ditetapkan oleh kerajaan.

Mamakala pihak pembekal atau pemborong pula memberi alasan menyatakan peningkatan kos pengeluaran. Sebagai contoh penternak ayam menyatakan makanan ayam terpaksa diimport dari luar negara yang menyebabkan kos meningkat.

Situasi ini pasti memberi kerisauan dalam masyarakat. Walaupun wujud pelbagai usaha dan program-program

kerajaan berkaitan kemajuan pertanian dan industri makanan, namun ini tidak menunjukkan hasil yang sepatutnya dapat dinikmati oleh rakyat Malaysia. Sebagai contoh Program Agropolitan yang termasuk dalam Pelan Induk Koridor pembangunan Pantai Timur (ECER) tidak menunjukkan impak yang sepatutnya. Bajet 2022 pula hanya memperuntukkan RM1.7 bilion dan tidak menunjukkan sesuatu yang baharu untuk diperkenalkan.

Dalam situasi terkini, kerajaan terpaksa mengimport bekalan dari luar negara untuk mengimbangi permintaan. Dalam usaha ini, kerajaan tidak boleh terlalu bergantung kepada bekalan import untuk menampung permintaan domestik dan bukannya samu penyelesaian jangka panjang. Kerajaan perlu memberi fokus untuk menggunakan sumber daya alam yang ada di negara.

Kerajaan dicadangkan untuk melaksanakan projek agromakanan yang sedia ada dan meluaskan lagi dan tidak terhad kepada koridor pembangunan ekonomi di sesuatu wilayah sahaja. Sebagai contoh, kerajaan boleh mengenal pasti tanah-tanah terbiar di seluruh negara untuk dimajukan sebagai kawasan agromakanan.

Kelongsaran dari segi nilai peajakan,

pinjaman mudah dan bantuan modal boleh diberikan kepada sesiapa yang berminat untuk memajukan kawasan ini sebagai sumber agromakanan negara. Untuk rekod terkini, sebanyak 103,563 hektar tanah pertanian terbiar di seluruh negara dengan Pahang dan Selangor menyumbang kepada peratusan tertinggi.

## Komuniti

Bagi memudahkannya pembangunan tanah terbiar untuk agromakanan negara, kerajaan boleh menggunakan pendekatan projek berasaskan komuniti. Sebagai contoh, kerajaan perlu menggalakkan golongan belia, graduan dan penganggur untuk melaksanakan projek agromakanan di tanah terbiar ini.

Tanggapan sektor pertanian sebagai sektor tidak popular perlu diubah dan perlu mencontohi negara Eropah yang menjadi profesion dalam agromakanan sebagai kerjaya yang menguntungkan.

Kerajaan juga disarankan untuk mengawal ubah status tanah pertanian kepada tanah pembangunan. Ini bertujuan mengekalkan jaminan bekalan berterusan dan stabil. Terdapat laporan menunjukkan berlaku penyusutan tanah pertanian terutama tanah sawah padi di negara ini berikutan pelbagai projek

pembangunan.

Dalam melaksanakan projek agromakanan ini, kerajaan juga perlu memberikan perhatian untuk meningkatkan pengeluaran tempatan bekalan makanan untuk haiwan ternakan yang menjadi sumber protein negara. Ini dapat memastikan rantaian bekalan tidak lagi bergantung kepada bekalan import.

Untuk rekod, keperluan domestik makanan haiwan seperti jagung bijiran adalah sekitar 4 juta tan Metrik atau mencecah nilai RM3 bilion setahun dan hal ini sering terlepas pandang dalam pembangunan kawasan agromakanan negara.

Keutamaan negara kini adalah perlu memberi perhatian yang serius dalam sektor agromakanan negara. Malaysia yang mempunyai kawasan luas tidak sepatutnya terlalu bergantung kepada bekalan yang import dan perlu memanfaatkan sebaik mungkin.

Rakyat tidak seharusnya dihimpit lagi dengan isu yang sama yang sepatutnya boleh dikawal dengan sumber-sumber sedia ada.

\*Dr Muhammad Azwan Sulaiman ialah Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Pengurusan Hartanah, Fakulti Semibina Perancangan & Ukur UTM Shah Alam

6/12/2021

SINAR  
HARIANKEMELUT SEKURITI  
MAKANAN NEGARA

12

Negara terlalu bergantung kepada sumber bekalan makanan import

Oleh KHAIRIL ANWAR  
MOHD AMIN

SHAH ALAM

**S**tok bekalan makanan ruji negara pada masa ini hanya mampu bertahan untuk tempoh empat hingga enam bulan sahaja, sekali gus menyebabkan kestabilan bekalan makanan negara berada pada tahap membimbangkan.

Pakar sekuriti makanan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Dr Abdul Shukor Juraimi berkata, hal itu disebabkan negara terlalu bergantung kepada sumber bekalan makanan import sehinggakan kadar sara diri bagi makanan ruji bersifat *stagnant* (di takuk sama).

Sehubungan itu, stok penimbal makanan perlu ditambah supaya tahap sekuriti bekalan makanan negara mampu bertahan bagi tempoh lebih panjang, selain penumpuan pelabur-

an tidak sewajarnya ditumpukan semata-mata kepada komoditi seperti kelapa sawit.



ABDUL SHUKOR



"Dari segi jangka masa panjang, negara bakal berhadapan dengan pertambahan populasi penduduk dengan unjuran Jabatan Perangkaan Malaysia menjangkakan kadar populasi rakyat Malaysia menjangkau sehingga 40 juta.

"Ketika ini, kalau kita ambil contoh kadar sara diri pengeluaran padi tempatan adalah sebanyak 70 peratus untuk keperluan 32.7 juta rakyat ketika ini, kadar itu dijangka menurun sekiranya bilangan rakyat meningkat 40 juta.

"Justeru, kadar sara diri bagi setiap produk makanan penting negara tidak boleh terus *stagnant*. Kerajaan perlu menambah keluasan tanaman pertanian kritikal selain menumpukan kepada penggunaan teknologi terkini dan sistem pertanian efisien,"

# Stok bekalan makanan negara membimbangkan



Kerajaan perlu mewartakan segera kawasan pertanian yang menyumbang kepada bekalan makanan sebagai zori sekuriti makanan negara dengan segera.

katanya kepada *Sinar Harian*.

Mengulas lanjut, Abdul Shukor turut menekankan kepentingan kerajaan mewartakan setiap kawasan pertanian yang menyumbang kepada sekuriti makanan negara sebagai zori yang tidak boleh ditebus guna bagi tujuan lain.

Jelasnya, sekiranya jumlah keluasan kawasan pertanian semakin berkurang akibat aktiviti tebus guna, beliau bimbang tahap

sekuriti makanan negara, ditambah pula jumlah keseluruhan 300,000 hektar sawah di Malaysia hanya mencukupi untuk pengeluaran 70 peratus daripada keperluan beras negara," katanya.

Abdul Shukor turut berpandangan kerajaan tidak boleh berterusan menganaktirikan sektor pertanian yang menyumbang sekuriti makanan negara berbanding sektor pertanian komoditi bernilai tinggi seperti kelapa sawit dan getah.

"Kerajaan kena lebih proaktif dalam memastikan golongan petani yang menjadi 'dian membakar diri demi kepentingan rakyat' mendapat manfaat sewajarnya, termasuk pemberian elaun sara hidup khas, subsidi kos input pertanian dan kemudahan logistik untuk mereka menjual hasil pertanian.

"Kerajaan tidak boleh mengambil jalan mudah dengan melambakkan produk import makanan atas alasan menstabilkan harga kerana senario itu akan memberi mudarat besar kepada golongan petani dan tahap sekuriti makanan negara untuk jangka masa panjang," kata beliau.

## Isu ketidakcukupan makanan di peringkat isi rumah kini kebimbangan utama negara

**SHAH ALAM** - Isu ketidakcukupan bekalan makanan di peringkat isi rumah kini merupakan kebimbangan utama negara lebih-lebih lagi setelah ramai rakyat Malaysia hilang pekerjaan dan terjejas pendapatan susulan krisis pandemik Covid-19.

Abli Majlis Penasihat Pertanian Negara, Profesor Datuk Dr Mad Nasir Shamsudin berkata, walaupun pada umumnya ketika ini tiada isu signifikan berkaitan sekuriti makanan di peringkat nasional di mana negara berada di tangga ke-39 daripada 113 buah negara oleh Indeks Sekuriti Makanan Global 2021, namun isu ketidakcukupan makanan semakin banyak berlaku.

Beliau menegaskan, dalam sebuah kajian oleh Rusid et al. (2015) menunjukkan bahawa 13.4 peratus orang dewasa telah mengurangkan saiz makanan dan melewatkan makanan utama kerana masalah kewangan.

"Sekiranya angka itu dipecahkan mengikut demografi rakyat Malaysia di Malaysia Timur, angkanya adalah 20.3 peratus manakala di Semenanjung Malaysia adalah 11.5 peratus.

"Angka itu dijangka meningkat pada pasca pandemik di mana ramai kehilangan pekerjaan dan penurunan pendapatan sekali gus menyebabkan golongan paling rentan adalah miskin bandar, penduduk kawasan terpencil, pendatang dan pekerja tidak formal.

"Justeru, pada masa ini, adalah mustahak untuk meningkatkan daya tahan sistem rantaian bekalan makanan negara," katanya kepada *Sinar Harian*.

Berikutan itu, Mad Nasir yang juga Timbalan Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM) menegaskan



MAD NASIR

usaha meningkatkan daya tahan sistem rantaian bekalan makanan negara hanya dapat dilakukan dengan memperkukuhkan pengurusan pasaran dan mencegah gangguan rantaian bekalan makanan.

Tambah beliau, kelancaran kegiatan berkaitan aktiviti pengeluaran hasil makanan, penyimpanan, pengedaran, pemprosesan, pembungkusan, peruncitan dan pemasaran makanan perlu dititikberatkan.

Beliau juga mencadangkan beberapa langkah untuk memperkasakan sistem rantaian bekalan makanan bagi mengelakkan insiden kekurangan makanan.

"Antaranya petani mesti mempunyai akses berterusan ke pasaran, memastikan bekalan input pertanian seperti benih, baja dan makanan ternakan tidak



Petani perlu mempunyai akses berterusan ke pasaran untuk memperkasakan sistem rantaian bekalan makanan bagi mengelakkan insiden kekurangan makanan.

terputus dan mengurangkan kerugian lepas tuai melalui peningkatan kapasiti penyimpanan dan pemprosesan skala kecil.

"Selain itu, kerajaan perlu memastikan penyimpanan stok makanan yang mencukupi dan

bagi pengguna terkesan dengan pandemik, kerajaan perlu memastikan kesinambungan bantuan mata pencarian mereka utamanya dalam kalangan miskin bandar B40 yang tiada pekerjaan tetap," katanya.

# Sekuriti makanan negara ibarat telur di hujung tanduk - BNM

Kedudukan sekuriti makanan Malaysia masih ketinggalan di belakang beberapa negara maju dan kekurangan sumber

Oleh KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

SHAH ALAM

Usaha penandaarasan antarabangsa dalam menentukan tahap sekuriti bekalan makanan negara menunjukkan Malaysia telah mencapai prestasi agak baik dengan menduduki tempat ke-39 berbanding tempat ke-48 pada tahun sebelumnya menerusi Global Food Security Index (GFSI) 2021.

Berdasarkan laporan buletin Bank Negara Malaysia (BNM) bagi suku ketiga tahun 2021, kekuatan utama penarafan sekuriti makanan di Malaysia disebabkan skor dan penarafan yang lebih baik dari aspek 'kemampuan'.

Kedudukan itu sebahagiannya disebabkan oleh kewujudan program jaringan keselamatan makanan bersama-sama dengan kawalan harga dan subsidi barangan keperluan.

Walau bagaimanapun, kedudukan Malaysia secara keseluruhan masih ketinggalan di belakang beberapa negara maju dan negara kekurangan sumber.

Sebagai contoh, laporan BNM itu turut mendedahkan dalam kalangan ekonomi serantau, Singapura berada pada kedudukan pertama di dunia dari aspek ketersediaan berdasarkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan pertanian mereka.

Meskipun negara itu terkenal dengan perdagangan di peringkat pelabuhan, komitmen Singapura sangat tinggi terhadap dasar sekuriti makanan, akses kepada makanan dan rintangan politik serta sosial yang rendah terhadap akses mendapatkan makanan.

"Bagi Malaysia pula, walaupun terdapat peningkatan yang ketara pada tahun 2021, prestasi Malaysia daripada aspek 'ke-

tersediaan' kelihatan rapuh, dengan skor yang telah menurun di bawah purata global pada tempoh lima tahun yang lalu.

"Terdapat juga kemerosotan yang nyata dari segi aspek 'kualiti dan keselamatan serta aspek sumber asli dan daya tahan'.

"Penelitian yang lebih mendalam terhadap penunjuk yang membentuk GFSI mendedahkan bahawa dari aspek 'ketersediaan', masih wujud ruang untuk menambah baik penyelidikan dan pembangunan pertanian, komitmen dasar sekuriti makanan serta akses kepada makanan, infrastruktur pertanian, pengeluaran pertanian yang tidak menentu dan bekalan yang mencukupi," dedah laporan buletin BNM bagi suku ketiga tahun 2021.

## Kebergantungan import

Bagi aspek 'kualiti dan keselamatan' pula, BNM mendedahkan kelemahan negara dari aspek 'sumber asli dan daya tahan' sekuriti makanan negara amat membimbangkan kerana Malaysia menunjukkan prestasi yang kurang baik disebabkan pergantungan tinggi terhadap import makanan dan sumber asli untuk output ekonomi.

Selain itu, BNM juga mendedahkan kadar sara diri untuk makanan rui rakyat Malaysia iaitu beras dan sinonim dengan sekuriti makanan negara hanya berada pada kedudukan 69 peratus dan dianggap masih tidak mencukupi untuk memenuhi penggunaan dalam negara.

Hakikat itu amat membimbangkan meskipun kerajaan menyediakan 88 peratus daripada subsidi pertanian dan 45 peratus daripada jumlah belanjawan pertanian diperuntukkan kepada sektor pengeluaran beras.

"Walaupun peningkatan pengeluaran beras tempatan adalah penting, namun ia mungkin tidak benar-benar menangani kebimbangan terhadap sekuriti makanan di Malaysia, memandangkan peralihan corak penggunaan makanan yang didorong pertumbuhan penduduk, tahap pendapatan yang lebih tinggi, tahap pambandaran dan



Kerajaan menyediakan 88 peratus daripada subsidi pertanian dan 45 peratus daripada jumlah belanjawan pertanian diperuntukkan kepada sektor pengeluaran beras.


PREMIUM Silver

Eksklusif dan Kritikal

Peringkat tertinggi dalam Indeks Keselamatan Makanan

## KEDUDUKAN DALAM GLOBAL FOOD SECURITY INDEX 2021

Negara terpilih	Persediaan Kualiti dan Keselamatan Sekuriti Makanan dan Keselamatan	Kemampuan	Ketersediaan	Kualiti dan Keselamatan	Sumber asli dan daya tahan
Ireland	1	2	8	3	3
UK	3	4	11	5	6
German	4	10	18	18	11
Switzerland	5	16	4	20	13
Belanda	6	13	10	7	18
Jepun	8	11	6	30	16
AS	9	20	16	2	17
Singapura	15	23	1	43	66
China	34	49	2	56	64
MALAYSIA	39	28	38	46	66
Thailand	51	40	59	73	50



perubahan gaya hidup.

"Melangkaui pengeluaran beras, tahap sara diri untuk barangan makanan lain juga telah merosot," katanya.

Selain itu, BNM me-

ngemukakan perbandingan kadar sara diri untuk keseluruhan 31 barangan makanan terpilih untuk tahun 2020 dengan 2011.

Berbanding dengan tahun 2011, kadar sara diri bagi 19 da-

ripada 31 barangan makanan terpilih menurun pada 2020 dengan sebanyak 13 daripada 14 barangan makanan yang berada di bawah paras sara diri yang mencukupi pada 2011, terus di paras yang sama selepas satu dekad.

"Daripada perspektif import, bahagian kandungan yang diimport dalam jumlah bekalan makanan mencakupi 24 peratus dengan penduduk semakin bergantung kepada import untuk memenuhi permintaan ruminan dan buah-buahan serta sayur-sayuran," lapor BNM.

Berikutan itu, BNM menganggap tahap kelangsungan sekuriti bekalan makanan negara ketika ini ibarat telur di hujung tanduk dengan kerajaan perlu berdepan dengan beberapa cabaran utama dalam memastikan sistem jaminan makanan di Malaysia terus berkesan.

"Menjelang tahun 2050, penduduk dunia diunjurkan mencah 9.8 bilion orang dengan permintaan global untuk makanan sekarang-kurangnya 60 peratus lebih tinggi daripada masa kini.

"Dalam keadaan itu, terdapat keperluan penting untuk memastikan sekuriti makanan masa hadapan Malaysia terpelihara dengan menangani cabaran utama risiko bekalan, baik dalam mahupun luar negara," kata BNM.

# Nak kaji RM9.30!

**Harga maksimum diteliti semula selepas ayam import masuk**

Oleh Hassan Omar  
am@bmetro.com.my

## Masjid Tanah

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengkaji semula harga maksimum ayam RM9.30 sekilogram selepas ayam import memasuki pasaran. Ketua Setiausahaanya, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad (*gambar*) berkata, harga ayam ditentukan keadaan pasaran dan lazimnya apabila penawaran ayam meningkat berikutan kemasukan ayam import, harga akan turun.

Beliau berkata, KPDNHEP memantau keadaan pasaran selepas Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) membenarkan ayam sejuk beku diimport sehingga 10,000 tan metrik atau 5.5 juta ekor sebulan bagi tempoh bulan ini hingga Februari tahun hadapan.

"Harga maksimum itu bergantung pada harga ayam import dan kita lihat kesannya kepada penawaran, kalau ada penurunan harga, itu berita baik untuk pengguna.

"Apabila ayam import dibawa masuk,

penawaran akan menjadi berlebihan dan kita akan kaji semula harga maksimum ayam RM9.30," katanya ketika ditemui selepas meninjau Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di pekan Kuala Sungai Baru di sini, semalam.

Program dua hari bermula kelmarin itu disertai enam agensi kerajaan dan 13 syarikat yang menawarkan pelbagai bahan makanan termasuk ayam pada harga lebih rendah berbanding pasaran.

Hadir sama, Pengarah KPDNHEP Melaka, Norena Jaafar.

Kelmarin, Timbalan Menteri Kementerian itu, Datuk Rosol Wahid dilaporkan berkata, harga maksimum ayam standard ditetapkan RM9.30 sekilogram bagi jualan runcit dan RM8 sekilogram untuk pemborong di Semenanjung, kecuali Langkawi berkuat kuasa Selasa depan.

ia ditetapkan mengikut Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) yang pertama kali diadakan berkuat kuasa selama 25 hari hingga 31 Disember depan bertujuan meredakan beban rakyat dalam menghadapi kenaikan harga barang keperluan.



NORHAYATI dan Jumahir dengan sayur selkat RM1 yang dijualnya di Kampung Paku, Alor Gajah.

## Kekal jual harga sayur 5 ikat RM4

**Alor Gajah:** Walaupun harga barang kian meningkat, peniaga sayur di Jalan Kampung Paku di sini masih mengekalkan harga RM1 bagi setiap seikat sayur dijual. Norhayati Komiza, 41, berkata, lima ikat sayur pula dijual dengan harga RM4 yang kekal setakat ini walaupun harga di pasaran lebih tinggi.

Menurutnya, harga berkenaan tidak berubah sejak lebih dua tahun dia berniaga pelbagai jenis sayur di lokasi berkenaan.

"Sesekali saya turut men-

jual sayur lima ikat berharga RM3 sahaja atas permintaan sesetengah pelanggan kerana ia dianggap sebagai sedekah.

"Antara sayur termasuk sawi, kangkung, ulam raja dan bayam yang mendapat permintaan tinggi daripada penduduk setempat dan orang ramai yang melalui jalan antara Alor Gajah

ke Masjid Tanah.

"Setiap hari kecuali Jumat kami berniaga di sini bermula jam 8 pagi hingga 1 tengah hari dan selalunya ditutup lebih awal jika sayur habis dalam masa singkat," katanya.

Beliau berkata, dia dan suami, Jumahir Sulikiah, 51, mengusahakan tanaman sayur sendiri selepas memajak tanah di Kampung Rantau dengan turut dibantu lima

anak mereka.

Sementara itu, Jumahir berkata, buat masa ini mereka tidak bercadang menaikkan harga sayur kerana mahu memberi pilihan kepada penduduk mendapatkan sayur segar dengan harga rendah, tambahan pula ia ditanam sendiri tanpa melalui orang tengah.

Pada masa sama, dia teruja menjual dengan harga lama memandangkan sudah biasa dengan pelanggan yang selesai dengan harga itu.

“  
Sesekali saya  
turut menjual  
sayur lima ikat  
berharga  
RM3 sahaja  
Norhayati



6/12/2021

BERITA  
HARIAN

MUKA DEPAN

1

# Pertanian pintar tingkat hasil sayur 10 kali ganda

**Oleh Fahmy A Rosli**  
fahmy.azril@bh.com.my

**Serdang:** Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) memperkenalkan model pertanian pintar yang boleh dilaksanakan dalam skala kecil, sederhana atau besar sebagai strategi meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran dalam negara, bermula tahun depan.

Model pertanian secara tertutup menggunakan sistem rumah na pakai sistem pengairan dan pembajaan secara automasi melalui kawalan berkomputer atau aplikasi internet keben-derhawa dingin dan hidroponik bertingkat.

**Nasional 4**



Penolong Pegawai Penyelidik MARDI, Muhammad Azizi Mohad Hozzaini memeriksa sayur di kilang tanaman yang menggunakan sinaran tiub diod pemancar cahaya atau LED pelbagai warna sebagai sistem pencahayaan menggantikan cahaya matahari di MARDI, Serdang.  
(Foto Asyraf Hamzah/ BH)

# 100 tan ikan sejuk beku disedia di Lembah Klang

**Harga bekalan lebih murah 50 peratus berbanding produk segar**

Oleh Saadiah Ismail  
saadiah\_ismail@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) menyediakan kira-kira 100 tan

ikan sejuk beku kepada pengguna menerusi Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) yang bermula semalam.

Pengerusinya, Abdul Hamid Bahari, berkata ketika ini bekalan ikan sejuk beku disediakan bagi kawasan Lembah Klang, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Di negeri lain pula, katanya, bekalan akan disediakan sekurang-kurangnya empat kali sebulan di PJKM mengikut zon ditetapkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

"Ikan sejuk beku ini berkua-

liti tinggi dan dibekukan mengikut sistem teknologi pembekuan secara seekor-seekor yang sudah banyak dilaksanakan syarikat swasta juga. Ini ikan tempatan yang kita bekukan ketika masih segar dan apabila di nyahbeku, ia tetap segar.

"Malah ia boleh bertahan sehingga setahun," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Rabu lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengarahkan bekalan ayam import dan ikan sejuk beku yang disimpan sebagai stok di bawah program Q'Fish dilambatkan

dalam pasaran sebagai langkah segera menstabilkan harga.

Mengulas lanjut, Abdul Hamid berkata, semua ikan berkenaan dibekukan ketika musim tangkapan yang banyak dan untuk mengelak pembaziran.

"Jadi terpulang kepada pengguna untuk membuat pilihan dan bandingkan harga dengan ikan segar yang boleh didapati lebih 60 peratus lebih tinggi berbanding harga ikan sejuk beku. Biarpun harga ikan sejuk beku mungkin dikurangkan sehingga 20 peratus, ia langsung tidak menjejaskan peniaga lain," katanya.

Ikan sejuk beku ini berkualiti tinggi dan dibekukan mengikut sistem teknologi pembekuan secara seekor-seekor yang banyak dilaksanakan syarikat swasta juga. Ini ikan tempatan yang kita bekukan ketika masih segar dan apabila dinyahbeku, ia tetap segar



Abdul Hamid Bahari, Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan

## Inisiatif tingkat pengeluaran sayur negara

Dari Muka 1

MARDI menyifatkan inisiatif itu sebagai strategi untuk meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran dalam negara, sekali gus menangani isu kekurangan bekalan sayur disebabkan peningkatan permintaan, perubahan iklim dan bencana alam, sekali gus membantu menstabilkan harga dalam pasaran.

Kaedah itu juga dapat mengatasi masalah sisa kimia pada produk tanaman, menangani isu pencemaran air dan tanah hasil dari aktiviti perindustrian dan pertanian konvensional, selain meningkatkan jaminan bekalan dan keselamatan makanan.

Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani, berkata model berkenaan boleh memberi hasil lima hingga 10 kali ganda berbanding kaedah tanaman secara konvensional, dan mesra alam.

"Ia memberikan hasil tinggi, berkualiti dan jangkaan hasil lebih tepat dari segi pengeluaran sepanjang tahun tanpa gangguan disebabkan perubahan cuaca, ancaman perosak atau penyakit.

"Ia sudah dibentang dan diluluskan Lembaga Pengelola MARDI dan akan diperkenalkan pada tahun depan," katanya kepada BH.

MARDI melabel projek berskala kecil sebagai model B40, skala sederhana (B40) dan skala besar (T20).

Mohamad Zabawi menjelaskan model B40 membabitkan penggunaan rumah perlindungan hujan berskala kecil yang boleh diusahakan di sekitar rumah.

Bagi model berskala sederhana atau M40 pula, beliau berkata, ia merangkumi penggunaan konte-

na, manakala bagi model berskala besar (T20) membabitkan struktur bangunan bersaiz besar atau kilang untuk 'bercucuk tanaman'.

Katanya, ketiga-tiga model itu akan mengguna pakai sistem pencahayaan lampu LED untuk menghasilkan formulasi cahaya buatan bagi membekalkan nutrien dan vitamin diperlukan tanaman serta penggunaan sistem tanaman hidropnik bertingkat.

Model pertanian menggunakan rumah perlindungan hujan dilihat penyelesaian jangka panjang kerajaan untuk mengatasi isu kenaikan harga barangan keperluan asas, termasuk sayur-sayuran disebabkan perubahan cuaca, khususnya setiap hujung tahun akibat hujan lebat, selain ancaman serangga perosak dan penyakit.

Sejak Oktober lalu, harga kebanyakan barangan makanan asas seperti sayur-sayuran dan ayam meningkat mendadak sehingga membebankan rakyat.

Persatuan pengguna mendakwa harga beberapa jenis sayur-sayuran meningkat sehingga 200 peratus. Antaranya kubis bunga daripada RM7 sekilogram kepada RM16, sawi pendek (RM3 kepada RM9), brokoli (RM8 hingga RM20), selain kacang buci, kubis, cili merah dan cili hijau.

Mohamad Zabawi yakin penerapan konsep plant factory (kilang tanaman) oleh MARDI akan mengatasi isu pengguna mengeluh mengenai harga sayuran dan kekurangan bekalan.

Difahamkan modal diperlukan untuk menyediakan model berskala kecil yang dilengkapi dengan sistem asas serendah



Mohamad Zabawi (kanan) melihat tanaman menggunakan Green Kit di MARDI, Serdang. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

RM10,000, bergantung saiz kawasan dan rumah perlindungan hujan.

Model bersaiz sederhana, kosnya kira-kira RM200,000, lengkap dengan sistem pencahayaan lampu LED, hidropnik, pendingin hawa dan tenaga solar.

Kos model bersaiz besar pula boleh mencecah sekitar RM1.5 juta bergantung pada keluasan bangunan atau kilang dan dilengkapi sistem pengairan dan pembajaan secara automasi menggunakan pendekatan kawalan berkomputer atau aplikasi internet-kebandaan (IoT), pencahayaan LED, penghawa dingin dan integrasi sistem kawalan hidrop-

nik bertingkat.

"Kaedah ini mudah kerana tidak perlu dipantau setiap hari, sebab sistemnya berjalan sendiri. Tak perlu selalu siram sebab sudah ada sistemnya.

"Tak perlu juga sembur racun kerana tanaman berada di dalam rumah perlindungan hujan yang tertutup. Tiada perosak. Hasil lebih cepat tumbuh sebab tiada isu cuaca panas atau hujan," katanya.

Beliau berkata, walaupun kosnya agak tinggi tetapi manfaatnya besar untuk tempoh masa panjang.

Bagi memastikan model dikedepankan MARDI sampai ke-

pada golongan sasaran, beliau berkata, pihaknya turut bekerjasama dengan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Memandangkan NGO banyak bekerjasama dengan majlis agama negeri, kita berharap dapat menggunakan fasiliti atau bangunan terbiar milik majlis agama supaya golongan asnaf boleh menceburinya sebagai petani menerusi inovasi ini.

"Majlis agama ini ada banyak bangunan terbiar dan kita akan bekerjasama dengan mereka untuk memperkenalkan kilang tanaman, konsep tanaman dalam kontena. Kita nak bantu asnaf," katanya.

# Seronok tanam sayur untuk subjek RBT

Murid SK Putra sertai projek fertigasi, praktis ilmu diajar dalam kelas

Oleh **Abnor Hamizam**  
bhpendidikan@bh.com.my

**Jekebu:** Kelas untuk subjek Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di Sekolah Kebangsaan (SK) Putra di sini bukan hanya terhad di dalam bilik darjah.

Sebaliknya, memerusi kreativiti dan kesungguhan guru besasar sekolah berkenaan, murid turut diberikan peluang untuk bercucuk tanam dalam projek fertigasi D'Putra.

Guru besar, Syed Zulkafli Syed Abdul Karim, berkata projek berkenaan dimulakan sejak Oktober lalu dan hingga kini sudah empat kali tanaman seperti sawi, kangkung dan bayam dituai.

"Kami membuat permohozan kepada Pejabat Perranian Daerah Jelebu sebelum dua para dan sistem fertigasi dipasang di sekolah.

"Projek ini adalah sebahagian daripada pembelajaran subjek RBT dan berdasarkan pemerhatian, kita mendapati murid lebih seronok belajar apabila dapat ikut serta dalam projek ini.

"Malah mereka aktif bertanya soalan misalnya sama ada



Puteri Dang Sari (kanan) memberi penerangan mengenai projek tanaman sayur fertigasi sekolah berkenaan. (Foto Abnor Hamizam Abi Manap/BH)

sayur boleh atau tidak hidup tanpa menggunakan tanah," katanya.

Tegas Syed Zulkafli, projek itu diselenggarakan oleh guru pembimbing, Puteri Dang Sari Othman dan ia disertai oleh 15 murid.

"Sayur dituai bukan saja dijual kepada guru tetapi ada juga kalangan penduduk yang membelinya," katanya.

Tegasnya, sekolah berkenaan juga bercadang membesarkan lagi projek fertigasi itu dengan menyemai benih sayur lain pula.



Murid didedahkan dengan cara menanam sayur secara fertigasi.

Apabila ikut dalam projek ini, baru saya tahu teknik ini lebih mudah berbanding tanam sayur atas tanah malah tidak perlu siram air pun.



Yong Kai Ling, Murid Tahun Enam

Bagi murid Tahun Lima, Cristiano Serna, dia gembira kerana dapat mempelajari sesuatu yang baharu bukan sahaja secara teori malah diberi peluang mengaplikasikan apa yang dipelajarinya.

"Saya seronok belajar subjek RBT ini disebabkan guru memberi peluang kepada kami untuk merasai sendiri bagaimana proses menanam sayur secara fertigasi bermula daripada penyediaan anak benih dan penjagaan.

"Kita juga diajar bagaimana sistem fertigasi ini berfungsi. Sebelum ini saya tidak mengetahui + kasidah ini yang ternyata lebih mudah berbanding menanam sayur di atas tanah," katanya.

Bagi murid Tahun Enam, Yong Kai Ling, pendedahan dari guru memerusi penanaman sayur secara fertigasi menyebarkan dia lebih bersemangat untuk belajar.

"Apabila ikut dalam projek ini, baru saya tahu teknik ini lebih mudah berbanding tanam sayur atas tanah malah tidak perlu siram air pun.

"Lagipun, sebab ia ditanam di atas para sayur tidak terdedah kepada haiwan ternakan seperti kambing atau ayam," katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/12/2021	HARIAN METRO	MUKA DEPAN	1



## lokal

3k habis  
lima jam!

Lelaki buka gerai di hadapan rumah tawar ayam kampung pada harga RM16 seekor

Oleh Essa Abu Yamin  
am@hmetro.com.my

## Muar

**H**arga ayam segar yang naik mendadak sejak beberapa minggu lalu membuatkan orang ramai beralih kepada ayam kampung segar yang lebih murah.

Kesempatan itu dimanfaatkan peniaga ayam kampung di Kampung Sungai Belukang, Jalan Batu Pahat-Muar di sini, Baharuddin Mohamed, 45, yang membuka gerai di hadapan rumahnya.

Katanya, dia menjual ayam kampung segar itu pada harga RM16 seekor dan menawarkan promosi untuk tiga ekor pada harga RM50 sahaja.

"Jika dibandingkan harga di pasaran seekor ayam kampung segar boleh men-

capai harga sehingga RM25 seekor, tapi di gerai saya menjual dengan harga yang begitu berpatutan.

"Langkah jualan murah ayam kampung segar berkenaan adalah untuk meringkatkan beban pengguna dan penduduk setempat yang memerlukan bahan mentah berkenaan.

“Langkah jualan murah ayam kampung segar adalah untuk ringankan beban pengguna”  
Baharuddin

"Ketika ini harga barang mentah dan keperluan lain agak tinggi, ditambah pula ramai pengguna yang terjejas pendapatannya kesan daripada situasi pandemik Covid-19," katanya.

Baharuddin berkata, bekalan ayam berkenaan adalah daripada ladang ayam yang dia sendiri usahakan menjadikan dia mengambil inisiatif untuk menjual ayam segar berkenaan secara terus dengan kadar harga yang



BAHARUDDIN mendapatkan bekalan ayam daripada ladang yang diusahakan sendiri sebelum dijual secara terus kepada pelanggan.

lebih murah.

"Sebanyak 3,000 ekor ayam kampung segar habis dijual dalam tempoh lebih kurang lima jam beroperasi."

"Saya hanya berniaga di kawasan kampung dan pasaran untuk penduduk kampung yang berdekatan serta

mempromosikan di media sosial.

"Tidak sangka pula perniagaan ayam kampung segar yang saya jual dengan harga murah menjadi tular di media sosial," katanya.

Katanya, sejak tular, ada pelanggan yang awal pagi sudah datang ke gerai untuk

mendapatkan ayam kampung segar berkenaan dan ada juga orang ramai daripada jauh yang menghubunginya daripada kawasan Johor Bahru dan Melaka.

"Jualan ayam kampung segar berkenaan sudah lama saya lakukan serta beberapa lagi jualan sayur seperti cili,

terung dan buah tembikai dan tidak tertumpu pada satu-satu masa sahaja.

"Jualan ayam kampung segar ini saya akan teruskan pada masa akan datang di setiap hujung minggu serta bergantung pada bekalan ayam yang saya usahakan sendiri," katanya.

## AYAM IMPORT

## Penyelesaian sementara kenaikan harga

**Kuala Lumpur:** Kebenaran untuk mengimport ayam bulat sejuk beku boleh menjadi penyelesaian sementara isu kenaikan harga barang yang berlaku ketika ini.

Presiden Pertubuhan Usahawan Islamiah Malaysia (Usamiah) Tengku Imran Tengku Zainal Abidin berkata, dalam tempoh jangka masa pendek inisiatif berkenaan wajar bagi membantu rakyat.

Katanya, pihaknya mengharapkan kenaikan harga yang dilihat tidak menentu ini berakhir menjelang hujung tahun dan keadaan kembali stabil.

"Kita tahu Cukai Makmur akan diperkenalkan tahun depan. Namun dalam masa terdekat, perlu ada tindakan segera dan saya lihat mengimport ayam ini satu daripadanya.

"Namun sebagai persatuan usahawan, kita mengharapkan kualiti ayam yang dibekalkan nanti adalah yang



Kita mengharapkan kualiti ayam yang dibekalkan nanti adalah yang terbaik"

Tengku Imran

terbaik demi pengguna dan rakyat," katanya kepada Harian Metro, semalam.

Tengku Imran berkata, rata-rata ahli Usamiah menyambut baik langkah itu, namun mereka mengharapkan satu langkah proaktif dan komprehensif diambil untuk mengelak perkara sama berulang pada masa depan.

Menurutnya, walaupun Cukai Makmur akan dilaksanakan tahun depan, jurang yang berlaku pada tahun ini tetap memberi impak yang besar terhadap negara.

"Untuk jangka masa panjang, Usamiah mencadangkan juga kerajaan menggunakan kaedah inovasi agri-tech bagi mengurangkan kos tenaga buruh seperti dilakukan Singapura dan Indonesia.

"Kaedah ini sepatutnya diutamakan kerana ia lebih efektif dan berkesan dalam mengurangkan kos pengeluaran.

"Selain itu kita juga perlu mengukuhkan sumber hasil tempatan seperti pengeluaran baja, racun, dedak dan sebagainya dapat menstabilkan harga pasaran," katanya.

Sebelum ini media melaporkan kerajaan memberi kebenaran untuk mengimport ayam bulat sejuk beku bagi tempoh tiga bulan bermula bulan ini sehingga Februari 2022.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) dilaporkan berkata, kebenaran mengimport bagi

menampung kekurangan bekalan ayam di pasaran itu, membabitkan pertimbangan import sehingga 10,000 tan metrik atau 5.5 juta ekor sebulan.

Mengulas lanjut, Tengku Imran berkata, isu kenaikan harga barang itu memberi kesan kepada 5,000 ahli Usamiah seluruh negara untuk memastikan mereka dapat menetapkan harga berpatutan kepada pelanggan.

Katanya, pihaknya berharap penyelesaian jangka masa panjang akan diambil bagi membolehkan peniaga tidak terbebani dengan kenaikan harga barang yang berpunca daripada beberapa faktor luar jangka.

"Dengan sektor ekonomi yang baru saja dibuka, isu seperti ini perlu ditangani. Hari ini ayam dan sayur, mungkin selepas ini ia merembak kepada rantaian makanan yang lain. Ia perlu ditangani agar tidak membebankan," katanya.

Sebab harga mahal:  
Penjelasan KPDNHEP

**Seremban:** Permintaan dan penawaran tidak seimbang dikenal pasti antara faktor penyumbang kepada kenaikan harga sayur-sayuran dan makanan di pasaran kebelakangan ini.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad, berkata penghasilan dan pengeluaran produk pertanian berkurangan kerana faktor cuaca dan kesan perubahan iklim.

Bellau berkata, berdasarkan perbincangan antara beliau dengan penanam sayur sama ada di tanah tinggi atau rendah, mereka menyatakan menghadapi masalah dengan perubahan cuaca ketika ini.

"Jika dulu mereka menjangkakan cuaca kering dan boleh menanam tana-

man tertentu, tetapi cuaca hujan menyebabkan tanaman rosak selain serangan penyakit.

"Ini membawa kepada kurangnya penghasilan di pasaran dan kebetulan bertembung pula dengan pembukaan aktiviti ekonomi.

"Ketika PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) permintaan hanya dalam kalangan isi rumah, tapi sekarang di restoran, pasar malam, pasar tani, majlis sosial dan pergerakan rentas sempadan serta pembukaan sektor pelancongan yang mempengaruhi permintaan dan penawaran sayuran," katanya.

Bellau berkata demikian pada sidang media selepas meninjau Program Jualan Keluarga Malaysia (PKJM) Peringkat Negeri Sembilan yang diadakan di Pasar Tani Taman Paroi Jaya di sini, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/12/2021	KOSMO	NEGARA	32



**ORANG** ramai mengambil peluang membeli sayur-sayuran pada harga murah di Pasar Tani Paroi Jaya, Seremban semalam. – MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN.

## Harga ayam akan turun - KPDNHEP

**MELAKA:** Harga maksimum ayam RM9.30 sekilogram yang ditetapkan kerajaan dikaji semula untuk diturunkan susulan kemasukan bekalan ayam sejuk beku import sebanyak 16.5 juta ekor dalam pasaran sehingga Februari tahun depan.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad berkata, harga bekalan asas itu lazimnya diturunkan apabila wujud penawaran bekalan ayam yang meningkat.

"Harga maksimum bergantung pada harga ayam import dan kita lihat kesannya kepada penawaran. Kalau ada penurunan harga, itu berita baik untuk pengguna.

"Apabila ayam import sudah masuk, penawaran menjadi berlebihan dan kita akan kaji semula harga maksimum ayam RM9.30," katanya ketika ditemui selepas meninjau Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di pekan Kuala Sungai Baru, di sini semalam.

Program dua hari bermula



**HASNOL Zam Zam Ahmad (tengah) meninjau Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di pekan Kuala Sungai Baru, Alor Gajah, Melaka. - UTUSAN/DIYANATUL ATIQA ZAKARYA**


kelmarin itu disertai enam agensi kerajaan dan 13 syarikat yang menawarkan pelbagai bahan makanan, termasuk ayam pada harga lebih rendah berbanding pasaran.

Kelmarin, Timbalan Menteri

Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid memberitahu, kerajaan menetapkan harga maksimum ayam standard pada kadar RM9.30 sekilogram bagi jualan runcit dan RM8 untuk

pemborong di Semenanjung sehingga 31 Disember ini.

Bagaimanapun, katanya, harga ayam standard di Langkawi ditetapkan pada harga RM9.80 sekilogram (runcit) dan RM8.50 sekilogram (borong).



# Penternak ayam rayu kerajaan tangani harga dedak, orang tengah

**KERAJAAN** diminta menyelesaikan segera isu harga dedak selain penglibatan orang tengah yang didakwa oleh golongan penternak sebagai punca berlakunya kenaikan harga ayam tempatan sehingga mencecah RM9.30 sekilogram.

# Harga maksimum ayam dikaji semula

**KPDNHEP pantau pasaran berkaitan kemasukan bekalan import**

Oleh Hassan Omar dan Nas Norziela Nasbah  
bhnews@bh.com.my

**Masjid Tanah:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengkaji semula harga maksimum ayam RM9.30 sekilogram import memasuki pasaran.

Ketua Setiausahaanya, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad ketika

ditemui media selepas meninjau Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di Kuala Sungai Baru, di sini semalam, berkata harga ayam akan turun apabila penawaran meningkat berikutan kemasukan ayam import.

Beliau berkata, KPDNHEP memantau keadaan pasaran selepas Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) membenarkan ayam bulat sejuk beku diimport sehingga 10,000 tan atau 5.5 juta ekor sebulan bagi tempoh bulan ini hingga Februari tahun depan.

"Harga maksimum bergantung pada harga ayam import dan kita lihat kesannya kepada penawaran, jika ada penurunan harga, itu berita baik untuk pengguna. Apabila ayam import sudah masuk,

penawaran akan menjadi berlebihan dan kita akan kaji semula harga maksimum ayam RM9.30," katanya.

Kelmarin, Timbalan Menteri KPDNHEP, Datuk Rosol Wahid dilaporkan berkata, harga maksimum ayam standard ditetapkan RM9.30 sekilogram bagi jualan runcit dan RM8 sekilogram untuk pemborong di Semenanjung, kecuali Langkawi, berkuat kuasa Selasa depan sehingga 31 Disember bagi meringankan beban rakyat.

Sementara itu, Penasihat Persekutuan Persatuan-Persatuan Peternak Malaysia (FLFAM), Datuk Jeffrey Ng ketika dihubungi BH, berkata kerajaan perlu adil dan relevan dalam usaha membantu penternak ayam mengeluarkan hasil, bukan terus mengambil keputusan mengimport stok beka-



Hasnol Zam Zam membantu mempromosi jualan barangan pada PJKM di pekan Kuala Sungai Baru, semalam. (Foto Hassan Omar/BH)

lan ayam sejuk beku.

"Isu bekalan ayam terhad sebenarnya tidak berlaku seperti didakwa. Pemantauan puncunya tidak dijalankan secara peringkat akar umbi, mungkin benar ada di setengah tempat bekalan ayam tidak mencukupi, tetapi mungkin hanya di dua atau tiga tempat.

"Tengok sahajalah di mana-mana pasar borong atau pasar raya, bekalan ayam masih cukup untuk pengguna," katanya meminta kerajaan memantau secara menyen-

gung hasil ternakan itu, sekali gus tidak perlu terus bergantung kepada ayam sejuk beku import sehingga memberi kesan kepada penternak tempatan.

Jeffrey berkata, kekurangan tenaga kerja juga mendorong kepada isu bekalan ayam dilihat terhad dan tidak mencukupi sejak penularan COVID-19 yang turut memberi kesan kepada industri berkenaan berikutan terpaksa menanggung peningkatan pelbagai kos.



HARGA makanan ayam yang mahal di pasaran membuatkan penternak tertekan selepas terpaksa menanggung kenaikan kos yang tinggi. - CAMBAR HIASAN

## Penternak tertekan rayu kerajaan tangani masalah **Dedak, orang tengah punca harga naik**

Oleh ZULKIFLI MANZOR,  
NUR SYAZWANA MANSOR  
dan TOREK SULONG

**PETALING JAYA** - Penternak ayam mendakwa faktor 'orang tengah' mengambil keuntungan atas angin dan kenaikan harga dedak antara punca harga ayam dijual mahal di pasaran ketika ini.

Penternak ayam di Masjid Tanah, Melaka, Ahmad Amirul Asraf, 34, berkata, tindakan 'orang tengah' memborong stok ternakan itu menyebabkan pusat pemprosesan ayam terpaksa membeli daripada mereka.

"Masalah kenaikan harga ayam bukan kerana kekurangan bekalan, tetapi disebabkan orang tengah. Import ayam dari luar negara hanya akan menjejaskan penternak tempatan."

"Sebagai contoh penternak jual RM6 sekilogram kepada orang tengah dan mereka (orang tengah) pula jual kepada pusat pemprosesan sehingga RM7 sekilogram. Pusat pemprosesan tetap ambil kerana sudah ada pelanggan."

"Apabila ayam proses sampai ke kedai harganya sudah meningkat kepada RM8.20 sekilogram, maka penjual terpaksa menjual kepada orang ramai lebih RM9 sekilogram untuk dapat keuntungan," katanya ketika dihubungi Kosmo semalam.

Kerajaan sebelum ini memaklumkan akan mengkaji semua rantaian 'orang tengah' yang dilihat turut menyumbang kepada kenaikan harga barangan yang dirasakan terlalu mendadak.

Tambah Ahmad Amirul, sekiranya pusat pemprosesan mengambil ayam secara terus

Masalah kenaikan harga ayam bukan kerana kekurangan bekalan, tetapi disebabkan orang tengah. Import ayam dari luar negara hanya akan menjejaskan penternak tempatan."

daripada penternak tanpa melalui orang tengah, harga ternakan itu di pasaran boleh dijual lebih murah lagi.

Dalam pada itu, katanya, kenaikan harga dedak turut menyumbang kepada peningkatan kos menternak ayam.

"Saya sendiri guna 15 tan dedak sebulan. Satu guni 50 kilogram (kg) dedak ayam kini lebih RM115 sedangkan sebelum ini sekitar RM78 hingga RM80 satu guni. Bawah RM100 kita boleh rendahkan harga ayam," ujarnya.

Keluhan yang sama disuarakan seorang penternak ayam di Negeri Sembilan yang mahu dikenali sebagai Japh, 45, yang memberitahu orang tengah mendapat keuntungan 'atas angin' dengan membeli ayam hidup daripada penternak dan menjualnya kepada pusat pemprosesan.

"Harga mungkin dapat diturunkan jika pusat pemprosesan dapat meminimumkan kos operasi mereka dan membeli terus daripada penternak," uafinya.

Di **Kedah**, Setiausaha Persatuan Penternak Ayam negeri, P. Ravintharan berkata,

kenaikan harga dedak sehingga RM40 bagi satu beg seberat 50kg menekan penternak ayam yang terpaksa mengeluarkan kos tinggi.

Katanya, selepas tertekan dengan pandemik Covid-19 sehingga ada yang terpaksa gulung tikar, kini rata-rata penternak kecil terpaksa berdepan dengan kenaikan kos makanan ternakan.

"Kekurangan ayam tempatan di pasaran ketika ini ekoran wabak disebabkan masalah penyakit sehingga menyebabkan ayam ternakan mereka tidak menajdi."

"Selain itu, harga dedak ayam juga turut menekan mereka apabila naik dari RM85 untuk satu beg seberat 50 kilogram (kg) kepada RM125 satu beg seterusnya menyebabkan kos penternakan meningkat," ujarnya.

Ravintharan berkata, purata keuntungan yang diperolehi penternak ayam hanyalah RM1 bagi seekor ayam.

Sementara itu, di **Kelantan**, seorang penternak di Kampung Telaga Papan Pasir Putih, Mohd. Zaid Ismail, 60, berkata, lambakan ayam beku pastinya memberi persaingan kepada pengusaha kecil bumiputera untuk bersaing dengan pasaran antarabangsa.

"Perniagaan kami boleh lingskup pada bila-bila masa jika penjualan ayam beku secara besar-besaran berlaku."

"Apa yang harus dilakukan kerajaan adalah menangani krisis kenaikan harga dedak dengan berkesan. Harga ayam di luar negara murah kerana dedak yang dibekalkan kepada ternakan dibeli pada harga yang murah," luahnyanya.

Peningkatan hanya bersifat sementara akibat musim tengkujuh

# Harga sayur mahal kekal hingga Mac

Oleh NOR AINNA HAMZAH

**SEREMBAN** - Harga sayur-sayuran yang meningkat ketika ini dijangka kekal sehingga Mac tahun hadapan selepas musim tengkujuh tamat sekali gus membolehkan bekalan kembali stabil.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ekuwal Pengguna, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad berkata, peningkatan harga ketika ini hanya bersifat sementara dan akan kembali normal.

"Saya lihat situasi ini bersifat sementara iaitu pada musim tengkujuh yang berada dalam bulan November hingga Mac. Selepas itu situasi akan pulih daripada segi harga di mana cuaca akan lebih stabil.

"Ketika itu lebih banyak petani buat penanaman dan harga akan kembali normal, itu data yang kami ada di Kementerian dan kami buat pemantauan sepanjang masa," katanya.

Beliau ditemui selepas melakukan turjaan di Program Jualan Keluarga Malaysia Peringkat



**HASNOL ZAM ZAM (dua dari kiri) bertanyakan sesuatu kepada peniaga sayur di Paroi Jaya, Seremban semalam.**

Negeri Sembilan di Tapak Pasar Tani Paroi Jaya dekat sini semalam.

Sementara itu, Hasnol Zam Zam memberitahu, kekurangan minyak paket tidak seharusnya berlaku kerana kerajaan telah memperuntukkan sebanyak 60,000 tan metrik setiap bulan

barang tersebut untuk diedarkan di seluruh negara.

Ujarnya, Kementerian telah melantik pengedar dan juga pengilang mengikut kuota yang ditetapkan untuk setiap penduduk.

Katanya, berdasarkan data ini telah menjejaskan operasi kilang.

minyak masak tidak ada masalah.

"Bekalan terjejas apabila berlaku gangguan di peringkat operasi termasuk penutupan sementara kilang ekoran berlaku jangkitan Covid-19. Ada pemandu dan pengedar yang dijangkiti dan ini telah menjejaskan operasi kilang.

Saya lihat situasi ini bersifat sementara kerana musim tengkujuh berada dalam bulan November hingga Mac. Selepas itu mengikut rekod kami saban tahun, situasi akan pulih daripada segi harga di mana cuaca akan lebih stabil."

"Ada juga pusat-pusat pengedaran, gudang-gudang tempat pengumpulan yang ada masanya ditutup, ini semua diterjemah kepada situasi tiada bekalan, tetapi ini adalah sementara," katanya.

Menurutnya Hasnol Zam Zam, penggunaan boleh tampil membuat aduan sekiranya berdepan dengan isu bekalan minyak masak packet habis di pasaran bagi membolehkan pihaknya melakukan pemantauan sekali gus mengatasi masalah itu.



Penduduk mahu Jualan Keluarga Malaysia diteruskan

# Orang Kepala Batas teruja beli ayam RM5

**SEBERANG PERAI** – Kira-kira 3,000 penduduk di kawasan Parlimen Kepala Batas di sini mendapat manfaat penjimatan harga barangan dapur menerusi Program Jualan Keluarga Malaysia di kawasan itu semalam.

Program yang diadakan di pekarangan Wisma TNB, Parlimen Kepala Batas itu berlangsung selama empat jam bermula pukul 8 pagi.

Rata-rata pengunjung meminta agar program tersebut dapat diadakan dengan lebih kerap bagi membantu penduduk kampung dan juga kumpulan berpendapatan rendah menikmati pembelian barangan dapur yang lebih murah daripada harga pasaran semasa.

Menurut mereka, penjimatan sehingga RM5 hingga RM10 yang diperoleh membolehkan mereka membeli batangan keperluan

dapur yang lain.

Antara barangan yang ditawarkan pada harga yang menarik adalah beras lima kilogram yang dijual pada harga RM10 berbanding harga biasa di pasaran iaitu RM12.50, seekor ayam RM5 (harga biasa RM11), sepapan telur gred C RM8 (harga biasa RM12.50) dan sekilogram daging lembu segar RM30 (harga biasa RM40) selain sayur-sayuran.

Seorang pengunjung, Mustafa Muhammad, 76, berkata, dia sanggup beratur panjang hampir 20 minit kerana jumlah kemasukan pengunjung di kawasan jualan dihadkan bagi mematuhi prosedur operasi standard (SOP).

"Tetapi saya teruja kerana dapat berjimat kira-kira RM10 dengan membeli beras, telur, tepung gandum, minyak masak dan ayam segar hari ini (semalam).

"Penjimatan itu dapat bantu saya untuk menampung pembelian barang lain lagi dalam keadaan sesetengah harga barang agak tinggi ketika ini," katanya yang datang dari Permatang Manggis, Kepala Batas.

Sementara itu, Norlaila Saad, 45, berkata, dia tidak mahu melepaskan peluang mendapatkan barang keperluan dapur selepas melihat iklan program berkenaan di media sosial sejak beberapa hari lalu.

"Ia sangat membantu kerana saya dapat membeli dua kilogram minyak masak bersama tepung yang dijual secara set pada harga RM4 berbanding kira-kira RM6.50 di luar.

"Saya harap program sebegini diteruskan dan diperbanyakkan bagi membantu mereka yang kurang berkemampuan membeli barang keperluan," katanya.



**PENGUNJUNG** beratur membeli telur murah di pekarangan Wisma TNB, Kepala Batas semalam.

Masalah tali air terbiar, sawah bertakung rosakkan tanaman padi

## Pesawah tanggung rugi

Oleh **MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**  
hafiz.mutalib@mediamulla.com.my

**ARAU:** Sudahlah terbeban dengan masalah kenaikan harga input pertanian, kira-kira 30 pesawah dari beberapa kawasan di sini terus diuji apabila terpaksa menanggung kerugian setiap musim ekoran masalah air di sawah yang bertakung, sekali gus merosakkan padi.

Para pesawah di kawasan seluas 20 hektar di Kampung Telaga Haji Latiff dan Kampung Pida Dua Sekerat, Kampung Changkat Jawi itu terpaksa menanggung kerugian lebih RM100,000 khususnya pada musim kedua tanaman antara September sehingga Februari ini.

Isu berkenaan berpunca daripada masalah tali air di kawasan Telaga Haji Latiff, Behor Mempelam dan Pida Dua Sekerat yang terbiar dan didakwa tidak diselenggara sejak lapan tahun lalu menyebabkan air tersekat.

Kesannya, air di sawah tidak boleh mengalir keluar seterusnya bertakung dan keadaan bertambah buruk apabila hujan lebat.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang pesawah dari Behor Mempelam, Abdul Sa-



**SEORANG** pesawah, Rejemi Isa, 71, menggunakan pam untuk mengeluarkan air yang bertakung ekoran masalah tali air terbiar dan tidak diselenggara di Behor Mempelam, Guar Sanji, Arau, Perlis. - **UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**

mad Deni, 51, berkata, ekoran masalah sejak sekian lama itu, air di kawasan sawah seluas 2.5 hektar miliknya bertakung dan tidak boleh mengalir keluar seterusnya menyebabkan padi menjadi masam dan rosak.

Katanya, sejak memulakan tanaman musim kedua pada akhir Oktober lalu, dia sudah tiga kali menabur benih baharu yang menyebabkannya me-

ngalami kerugian.

Dia juga terpaksa menggunakan pam bagi mengeluarkan air dan kadangkala mengambil masa sehingga 17 hari.

"Masalah tersebut berlarutan setiap musim berpunca daripada masalah tali air terbiar berkenaan. Dapat dilihat rumput memenuhi di kawasan tali air terbabit selain selut yang tidak pernah dicuci menyebabkan air

tersekat.

"Lazimnya jika tidak berdepan masalah tersebut, saya mampu memperoleh hasil antara RM17,000 hingga RM18,000 semusim. Namun, akibat masalah itu saya hanya mampu menjana pendapatan sekitar RM6,000 hingga RM7,000. Jika ditolak modal, kadangkala untung pun tidak dapat," katanya.

6/12/2021

SINAR  
HARIANPROGRAM JUALAN  
KELUARGA MALAYSIA

10

# 'Buatlah selalu Jualan Keluarga Malaysia'

Rakyat khususnya golongan B40 dan M40 hargai usaha kerajaan ringankan kos sara hidup

Oleh SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI dan NURUL HIDAYAH HAMID

**K**alau boleh, buatlah selalu." Itu reaksi penduduk sekitar Parlimen Kepala Basat apabila ditanya mengenai Jualan Keluarga Malaysia yang berlangsung di sini pada Ahad. Suti rumah, Siti Khadziah Abdullah, 64, berkata, program seperti itu wajar diteruskan bagi membantu golongan berpendapatan rendah untuk membeli barang keperluan berikutan harga barangan keperluan semakin melonjak ketika ini.

Dia yang datang bersama suami, Jaafar Saad, 68, mengakui berasa teruja kerana ia merupakan salah satu langkah penjimatan membeli barang keperluan harian. "Jualan murah seperti ini amat baik. Saya berharap kalau boleh, buatlah secara berterusan. Ia amat membantu kami yang terdiri daripada golongan sederhana.

"Biasanya jika saya membeli barang keperluan di pasar seperti daging, telur, ayam, beras dan minyak masak, jumlahnya dalam RM100 tetapi hari ini (Ahad) hanya RM70," katanya ketika ditemui pada program Jualan Keluarga Malaysia Parlimen



Reezal Merican menyerahkan bungkusan daging lembu kepada pembeli di Jualan Murah Keluarga Malaysia di Kepala Basat pada Ahad.

Batu 13, Pokok Sena di sini, berpuas hati dengan harga barangan keperluan harian yang ditawarkan di setiap gerai.

Difahamkan, harga sayur-sayuran dijual lebih murah berbanding tempat lain misalnya tomato dijual RM3 sekilogram dan bawang besar dijual RM3.50 satu beg.

Suti rumah, Che Su Ramli, 60, mengakui berasa bersyukur kerana harga yang ditawarkan lebih rendah berbanding harga pasaran tempatan ketika barangan keperluan harian naik ketika ini.

"Kita berharap program jualan itu diperluas dan diperbanyakkan daripada dua minggu sekali kepada setiap minggu demi membantu rakyat yang terkesan.

"Jualan ini dapat membantu penduduk kurang mampu untuk mendapatkan barangan keperluan harian yang mereka perlukan," katanya.

Berlangsung hingga harga barangan stabil

**KEPALA BASAT** - Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican berkata, pihaknya akan mengadakan Jualan Keluarga Malaysia pada setiap minggu sehingga harga barang kembali stabil.

Beliau yang hadir menjinjau tapak jualan di pekarangan Wisma UMNO Parlimen Kepala Basat di sini berkata, pihaknya akan membuat penambahbaikan dari pelbagai segi termasuk pematuhian prosedur operasi standard (SOP).

"Seperti dinyatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, kita akan mengadakan jualan murah-ini pada setiap minggu sehingga harga barang stabil.

"Dari segi bekalan, saya terima jaminan daripada KPDNHEP Pulau Pinang, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan beberapa pasar raya yang mempunyai hala tuju untuk membantu rakyat," katanya.

Ahli Parlimen Kepala Basat itu berkata, pihaknya menambah sekali ganda barang keperluan asas untuk minggu seterusnya bergantung kepada sambutan minggu ini.

"Pengguna di Jualan Keluarga Malaysia menikmati penjimatan antara 25 hingga 30 peratus daripada harga ditawarkan," katanya.

Antara bahan mentah yang dijual dengan harga murah ialah ayam (RM5 untuk seekor), telur ayam Gred C (RM8 sepapan), beras lima kilogram (RM10) dan daging lembu tempatan (RM30 sekilogram).

## Move to help offset vegetable price hikes

**YAN:** The Muda Agricultural Development Authority (Mada) is taking steps to increase cash crop production to help offset vegetable price hikes in the market.

Its chairman, Ahmad Tarmizi Sulaiman, said the move was implemented through two projects, namely the B40 Cash Crops Project and the B40 Group of Agro Entrepreneurs Economic Empowerment Programme launched in March this year.

"The projects aim to increase the production of cash crops, vegetables and spices in an effort to increase farmers' income by focusing on those with household incomes below RM4,850 a year.

"With the increase in the production of cash crops, Mada also hopes that it will be able to offset the increase in vegetable prices and be able to protect the fate of farmers who are also consumers," he said at the Agriculture and Food Industries Ministry's Prihatin Mada food basket hand-over ceremony in Permatang Buloh yesterday.

Ahmad Tarmizi said for 2021 and 2022, Mada has allocated RM4.84 million involving 378 participants to increase cash crop projects by adding more crop varieties, Bernama reported.

"Additional types of crops include chilli, cucumber, ginger and corn. This year, a total of 264 programme participants have produced 205.6 tonnes with a value of more than RM1 million," he said, adding that 250 more participants are expected next year.

## Import of frozen chicken expected to help reduce prices

**ALOR GAJAH:** The government's move to allow the import of frozen whole chicken is expected to help reduce prices of the item in the market, said Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry secretary-general Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad.

He said the move would result in excess supply in the local market. However, other factors would also influence domestic prices, including prices fixed by the producing countries.

"Prices would normally drop slightly when there is an increased supply in the market. However, we have first to see the effect of the import of frozen whole chicken on the domestic market.

"If the prices (of frozen whole chicken) from source countries are far lower than the prices offered in the country, the traders might also offer low prices. We have yet to obtain information on the matter from the Agriculture and Food Industries Ministry," he said after a visit to the Malaysian Family Sales Programme yesterday.

Hasnol Zam Zam was commenting on an announcement by the Agriculture and Food Industries Ministry on the government's move to import frozen whole chicken for a three-month period, until February next year.

He added his ministry would review the maximum price of standard chicken at retail (RM9.30 per kg) and wholesale (RM8 per kg) if chicken prices in the domestic market returned to normal.

In another development, he said the Malaysian Family Sales Programme would be extended after February if there is demand from the people.

- Bernama

ESSENTIAL ITEMS

# 'CLIMATE CHANGE A FACTOR IN RISING PRICES'

Uncertain weather destroys vegetables at a time of growing demand, says ministry sec-gen

MOHD AMIN JALIL  
SEREMBAN  
news@nst.com.my

THE imbalance between supply and demand has been identified as one of the factors contributing to the recent rise in prices of vegetables and essential items.

Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry secretary-general Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad said weather and climate change also affected production.

He said during discussions with vegetable farmers in both the highlands and lowlands, they acknowledged that they were experiencing climate change issues.

"In the past, they could predict the dry season and plant certain crops. But now, the uncertain rainy weather has destroyed vegetables and left crops vulnerable to disease.

"This has led to lower output, which coincided with the resumption of economic activities.

"During the Movement Control Order, demand largely came from households. But now, restaurants, pasar malam, farmers' markets, social events and cross-border

movement, including the resumption of tourism, all affect the supply of and demand for vegetables."

Hasnol was speaking after touring the Negri Sembilan-level Program Jualan Keluarga Malaysia at Pasar Tani Taman Paroi Jaya here yesterday.

Also present was the ministry's state director, Ain Arjuna Aziz Zaman.

The recent rise in food prices has drawn the ire of consumers as well as members of parliament, who urged the authorities to take immediate action.

Hasnol said there was no denying that agricultural input, such as fertiliser components, which were imported at high prices, had also affected vegetable prices.

"We (the government) cannot control the price of agricultural input. So there is a need to increase the use of organic fertiliser in the long run.

"This can reduce our dependency on imported components in the production of vegetables and food in the country."

He said the ministry was confident the problem was temporary and that price hikes would end as soon as the monsoon season ended in March.

On Program Jualan Keluarga Malaysia, Hasnol said it offered consumers a wide variety of essential items, such as chicken, fish, eggs, vegetables, cooking oil, sugar, flour, rice and processed items, at up to 20 per cent lower than market rates.

"(The programme) will be held in selected locations in Seremban. Hopefully, this will encourage people to plan their purchases better to reduce household expenses."



Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry secretary-general Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad (second from left) visiting a stall at a pasar tani in Seremban yesterday. BERNAMA PIC

POULTRY PRICES

## 'Help farmers instead of importing chicken'

KUALA LUMPUR: The government has been urged to help poultry farmers instead of importing more frozen chicken.

Federation of Livestock Farmers Associations of Malaysia adviser Datuk Jeffrey Ng said the issue of limited chicken supply was not as bad as it had been made out to be and was mostly due to lack of monitoring at the production level.

"While some places may have a shortage of supply, this is only in two or three places. But if you look at any wholesale market or hypermarket, it's evident that chicken supply is enough for consumers."

On Wednesday, Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said the government would import 200 to 300 containers of frozen chicken this week to ensure chicken prices were kept low, with supply coming from China or Thailand.

The country needs about 3,762 tonnes (2.09 million chickens) a day or 113,220

tonnes (62.9 million chickens) a month.

Ng said manpower shortage also led to the perception that chicken supply was low.

He said from the perspective of a poultry producer, the government needed to look into the situation in depth as importing frozen chicken could impact local producers.

"Since the Covid-19 pandemic began, the local poultry industry has been affected and is in a dire situation as we've had to shoulder various cost increases.

"Many producers have faced losses, with profit hardly exceeding cost.

"Each chicken needs a month (to mature) before it can be sold. How much can one earn if, at the same time, some chickens also die.

"It is like selling one but losing two. Coupled with potentially lower demand due to the impending arrival of (imported) frozen chicken, the situation does not look rosy."



### PRICES OF ESSENTIAL ITEMS IN MALAYSIA (UP TO DEC 1)

ESSENTIAL ITEMS	PENINSULA (RM)		SARAWAK (RM)		SABAH (RM)	
	Lowest	Highest	Lowest	Highest	Lowest	Highest
1. STANDARD CHICKEN (PER KG)	6.99	10.50	7.99	9.50	10.30	11.30
2. LOCAL BEEF (PER KG)	28.00	56.90	58.00	60.00	25.00	30.00
3. IMPORTED BUFFALO MEAT (PER KG)	15.90	26.00	16.99	22.90	17.00	21.99
4. MACKEREL (IKAN KEMBUNG) (PER KG)	8.69	26.00	8.90	20.00	8.00	15.00
5. GRADE B EGGS (30 PCS)	10.40	14.40	11.59	14.00	13.79	14.50
6. KULAI RED CHILLI (PER KG)	9.88	30.00	N/A	N/A	10.00	22.50
7. SAWI (PER KG)	4.00	12.00	5.00	15.00	3.50	7.50
8. TOMATO (PER KG)	1.49	9.00	5.00	15.79	4.49	8.90
9. IMPORTED ONIONS (INDIA) (PER KG)	1.99	8.50	3.39	6.00	3.90	10.00
10. IMPORTED SHALLOTS (INDIA) (PER KG)	2.29	10.99	8.00	18.50	6.15	16.55



The list of prices serves as a reference. Please check list of prices for more items in your location on the PriceCatcher app. For inquiries, email [pricecatchermy@kpdnhep.gov.my](mailto:pricecatchermy@kpdnhep.gov.my)

You can also contact the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry's (KPDNHEP) call centre at 1-800-886-800 and email [e-aduan@kpdnhep.gov.my](mailto:e-aduan@kpdnhep.gov.my) for consumer complaints.